

# Semua universiti akan guna kod keselamatan pada sijil

SEMUA universiti awam di Malaysia akan menggunakan kod keselamatan respons pantas (kod QR) pada sijil akademik masing-masing menjelang pertengahan tahun 2018 bagi mengatasi isu penjualan ijazah palsu oleh sindiket tertentu.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pihak majikan boleh menyemak ketulenan dokumen akademik berkenaan dengan mengimbas kod QR menggunakan telefon pintar sahaja.

"Setakat ini beberapa universiti awam telah mempunyai kod QR pada sijil akademik termasuk Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)," katanya selepas melancarkan Hari Jepun 2017 di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur semalam. Beliau berkata demikian ketika



NAIB Canselor UTeM, Prof. Datuk Shahrin Sahib (kiri) menunjukkan contoh sijil universiti itu yang dilengkapi dengan ciri keselamatan kod QR baru-baru ini.

mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai seorang peniaga online, Shafizal Khalil yang dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas pertuduhan memalsukan sijil dan transkrip Diploma Pengajian Perniagaan Universiti Teknologi

Mara (UiTM) pada Ogos lalu. Menurut Idris, penggunaan kod QR itu merupakan sebahagian daripada program pendigitalan universiti awam dalam usaha mewujudkan kampus tanpa wang tunai dan tanpa kad.

» LAPORAN DI MUKA 2

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Peniaga online didakwa jual diploma palsu UiTM



CONTOH kod QR. - Gambar hiasan

**Langkah baharu dilaksana pertengahan tahun hadapan bagi elak ijazah institusi pengajian tinggi Malaysia dipalsukan**

Kerajaan arah semua IPTA guna kod keselamatan mulai pertengahan tahun depan

# Sijil akademik wajib ada kod QR

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan mengarahkan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini menggunakan kod respons pantas (kod QR) pada sijil akademik masing-masing mulai pertengahan tahun hadapan sebagai satu usaha membendung isu pengeluaran sijil-pengajian palsu yang berlaku ketika ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, melalui penggunaan kod keselamatan pada sijil akademik tersebut, ia membolehkan orang ramai terutama majikan menyemak maklumat graduan dengan lebih pantas melalui telefon pintar.

Beliau berkata, penggunaan kod QR itu juga merupakan sebahagian daripada usaha kementerian untuk menjadikan universiti awam di negara ini lebih digital dengan mewujudkan kampus tanpa wang tunai (*cashless*) dan tanpa kad (*cardless*).

"Ketika ini universiti awam telah mengambil tindakan supaya penggunaan sijil akademik palsu boleh dikesan dengan pantas. Penggunaan kod QR adalah salah satu daripada usaha untuk atasi masalah tersebut dan ia akan dilaksanakan sepenuhnya pertengahan tahun depan.

"Setakat ini beberapa universiti awam yang telah mempunyai kod QR pada sijil akademik ialah Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan beberapa universiti lain," katanya ketika ditemui di kampus Universiti Teknologi Malaysia di sini semalam.

Pertuduhan tersebut susulan daripada laporan eksklusif *Kosmo!* pada 2 Oktober



PENDEDAHAN wartawan *Kosmo!* berjaya menumpaskan satu sindiket sijil palsu sehingga kerajaan memutuskan semua IPTA wajib meletakkan kod keselamatan QR pada sijil akademik mereka mulai tahun depan.

KANAN: UTeM antara beberapa IPTA di Malaysia yang meletakkan ciri keselamatan kod QR pada sijil akademik mereka bagi mengelakkan ia dipalsukan oleh pihak tidak bertanggungjawab.



IDRIS



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, demikian ketika mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai seorang peniaga online, Shafizal Khalil yang dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas lima pertuduhan termasuk memalsukan sijil dan transkrip Diploma Pengajian Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada Ogos lalu.

Pertuduhan tersebut susulan daripada laporan eksklusif *Kosmo!* pada 2 Oktober

lalu mendedahkan kewujudan sindiket yang aktif menjual sijil-pengajian palsu daripada UiTM dan Kolej Universiti SEGi pada harga antara RM1,000 hingga RM3,000.

Shafizal ditahan pihak polis pada 30 Oktober lalu dalam satu operasi oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman kerana dipercayai menjadi dalang kepada satu sindiket menjual ijazah palsu.

Sindiket tersebut menja-



CONTOH kod QR.

dikan golongan muda yang ingin memohon pekerjaan dalam sektor swasta sebagai mangsa.

IPTA Malaysia mengeluarkan ratusan ribu graduan diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah setiap tahun. Pada tahun 2016 seramai 125,639 graduan dikeluarkan IPTA seluruh negara.

## INFO Kod Respons Pantas

- Merupakan kod bar berbentuk segi empat
- Mula digunakan di Jepun pada 1994 oleh syarikat Denso Wave untuk mengesan dan menjejak komponen dalam pengilangan kenderaan
- Boleh diimbas menggunakan telefon pintar melalui aplikasi pengimbas yang boleh dimuat turun melalui App Store dan Google Play
- Kod QR boleh menyimpan dan berkongsi maklumat seperti kandungan teks, alamat laman web dan nombor telefon

## INFO Universiti awam yang telah menggunakan kod QR pada sijil akademik

- Universiti Utara Malaysia
- Universiti Putra Malaysia
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Universiti Malaysia Sarawak